



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGARUH KONSEP KENDIRI AKADEMIK SEBAGAI MODERATOR
TERHADAP PERSEKITARAN DAN STRATEGI PEMBELAJARAN
DENGAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI MURID PERAKAUNAN**

NOR SA'ADAH BINTI JAMALUDDIN

FPP 2020 33



**PENGARUH KONSEP KENDIRI AKADEMIK SEBAGAI MODERATOR
TERHADAP PERSEKITARAN DAN STRATEGI PEMBELAJARAN DENGAN
KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI MURID PERAKAUNAN**

Oleh

NOR SA'ADAH BINTI JAMALUDDIN

**Tesis dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Februari 2020

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PENGARUH KONSEP KENDIRI AKADEMIK SEBAGAI MODERATOR
TERHADAP PERSEKITARAN DAN STRATEGI PEMBELAJARAN DENGAN
KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI MURID PERAKAUNAN**

Oleh

NOR SA'ADAH BINTI JAMALUDDIN

Februari 2020

Pengerusi : Profesor Madya Suhaida Abdul Kadir, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Meskipun sumbangan dan peri pentingnya Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) kepada transformasi pendidikan dan ekonomi negara tidak dapat disangkal, pelbagai masalah dan kekangan masih wujud dalam memastikan kecemerlangan penguasaan KBAT dalam diri murid. Ini mengakibatkan isu KBAT terus diperbahaskan dari semasa ke semasa. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh konsep sendiri akademik sebagai moderator terhadap persekitaran dan strategi pembelajaran dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) bagi Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) Prinsip Perakaunan (PP) dalam kalangan murid tingkatan empat kelas perakaunan. Teori Efikasi Kendiri (Bandura, 1977) dan Model Taksonomi Bloom semakan Anderson (Anderson & Krathwohl, 2001) telah dijadikan sebagai asas kajian ini.

Kajian ini menerima pakai pendekatan kuantitatif menggunakan ujian yang ditadbir dan survei manakala formula Cochran (1977) bagi penentuan saiz sampel telah digunakan untuk mengira saiz sampel kajian. Pengukuran statistic deskriptif telah digunakan untuk analisis data demografi dan juga untuk menentukan tahap konstruk yang digunakan dalam kajian ini. Pendekatan Model Persamaan Struktur (*Structural Equation Modelling, SEM*) digunakan untuk menguji hipotesis kajian dinyatakan. Sebelum penggunaan sepenuhnya model, penyelidik memastikan model memenuhi indeks ketepatan padanan yang boleh diterima: X^2 (CMIN) = 1553.435 (DF = 804), *Relative X²* (CMIN/DF) = 1.932, CFI = 0.895, IFI = 0.896, TLI = 0.888, dan RMSEA = 0.055.

Analisis deskriptif kajian ini menunjukkan bahawa terdapat tahap pencapaian ujian KBAT yang baik dalam kalangan 309 responden sah dengan skor min 62.94. Tambahan lagi, analisis menggambarkan bahawa tahap persekitaran pembelajaran psikososial adalah tinggi pada skor min 4.20 (SP =0.486). Begitu juga, tahap pengamalan strategi pembelajaran dalam kalangan responden juga tinggi dengan skor min 3.72 (SP =0.625). Walau bagaimanapun, tahap faktor konsep sendiri akademik responden adalah sederhana dengan skor min 3.23 (SP = 0.871).

Model persamaan struktur menunjukkan lima daripada enam faktor peramal tidak menyumbang secara signifikan kepada pencapaian KBAT murid: persekitaran pembelajaran psikososial ($\beta = 1.353$, $p = 0.477$), pengurusan masa ($\beta = -3.509$, $p = 0.319$), penumpuan ($\beta = 0.066$, $p = 0.981$), sikap ($\beta = -7.357$, $p = 0.108$), dan kegelisahan ($\beta = 4.415$, $p = 0.259$). Namun, faktor motivasi telah menyumbang secara signifikan kepada pencapaian KBAT ($\beta = 13.242$, $p = 0.030$). Model struktur mendedahkan bahawa hubungan antara faktor-faktor persekitaran pembelajaran dan strategi pembelajaran adalah disederhanakan oleh konsep sendiri akademik dalam kajian ini dengan X^2 *measurement residuals* lebih besar daripada X^2 *unconstrained* berdasarkan model perbandingan output ΔX^2 (CMIN) = 299.445; $\Delta df = 106$; $p = .000$. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat kehadiran kesan penyederhaan konsep sendiri akademik pada penentu pencapaian KBAT dalam keseluruhan model.

Implikasi kajian ini menyumbang kepada pengukuran Teori Efikasi Kendiri (Bandura, 1977) dalam menentukan faktor luaran yang bertindak sebagai peramal terhadap penguasaan KBAT bagi MPEI PP dalam kalangan murid tingkatan empat kelas perakaunan. Dapatan kajian ini memberi panduan kepada para pendidik dan penggubal dasar dalam merancang sistem pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan sekaligus menyumbang kepada tercapainya hasrat menjadikan murid sebagai individu yang mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi melalui penguasaan KBAT yang baik dan cemerlang di samping merealisasikan hasrat yang disasarkan oleh Negara dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2025). Selain itu, dapatan kajian ini juga boleh diguna pakai oleh para pendidik dalam menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran bagi pelbagai mata pelajaran yang lain. Beberapa cadangan turut dikemukakan bagi memastikan penguasaan KBAT murid dapat dipertingkatkan sekaligus menjadikan mereka individu yang mempunyai kemampuan daya saing yang tinggi bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat Antarabangsa.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

THE INFLUENCES OF ACADEMIC SELF CONCEPT AS A MODERATOR TOWARDS LEARNING ENVIRONMENT AND LEARNING STRATEGIES WITH HIGHER ORDER THINKING SKILL OF ACCOUNTING STUDENT

By

NOR SA'ADAH BINTI JAMALUDDIN

February 2020

Chair : Associate Professor Suhaida Abdul Kadir, PhD
Faculty : Educational Studies

Despite the significance and contribution of High Order Thinking Skills (HOTS) to the educational and economic transformation of the country, various problems and constraints still exist in ensuring the excellence of the HOTS for students. This has led to the issue of HOTS being debated over and over again. Therefore, this study aimed to identify the influence of academic self-concept as a moderator in the learning environment and learning strategies with HOTS for Elective Subjects (MPEI) of Accounting Principles (PP) among accounting students. Theory of Self-Efficacy (Bandura, 1977) and Bloom's Taxonomy Revised (Anderson & Krathwohl, 2001) have been the basis of this study.

The study adopted a quantitative approach using a survey and administered test while Cochran (1977) formulae for sample size determination was used to calculate for the sample size. Descriptive statistic tool was used for demographic data analysis as well as to determine the level of the used constructs in the study. The Structural Equation Modelling (SEM) approach was utilised to test the stated research hypotheses. Prior to full utilisation of the model, the researcher ensure the model meet the acceptable goodness-of-fit indices: X^2 (CMIN) = 1553.435 (DF = 804), Relative X^2 (CMIN/DF) = 1.932, CFI = 0.895, IFI = 0.896, TLI = 0.888, and RMSEA = 0.055.

The study of descriptive analysis revealed that there is a good level of HOTS performance among the 309 valid respondents with a mean score of 62.95. More so, the analysis depicted that the level of psychosocial learning environments was high at a mean score of 4.20 (SD =0.486). Similarly, the practice of learning strategies level among the respondents was also high with a mean score of 3.72 (SD =0.625).

However, the respondents level of academic self-concept factors were moderate with a mean score of 3.23 (SD = 0.871).

The structural equation model showed that five out of six predictor factors did not significantly contribute to student achievement in HOTS; psychosocial learning environments ($\beta = 1.353$, $p = 0.477$), time management ($\beta = -3.509$, $p = 0.319$), concentration ($\beta = 0.066$, $p = 0.981$), attitude ($\beta = -7.357$, $p = 0.108$), and anxiety ($\beta = 4.415$, $p = 0.259$). However, motivation factor contributed significantly to the HOTS achievement ($\beta = 13.242$, $p = 0.030$). The structural model revealed that the relationship between psychosocial learning environments and learning strategies are moderated by academic self-concept in the study with measurement residual X^2 greater than unconstrained X^2 based on model comparison output ΔX^2 (CMIN) = 299.445; $\Delta df = 106$; $p = .000$. Therefore, the study showed that there is a presence of moderation effect of academic self-concept on the determinants of HOTS achievement in the overall model.

Implications of this study contribute to the measurement of Self-efficacy Theory (Bandura, 1977) in determining external factors that act as predictors of HOTS in MPEI PP among form four accounting students. The findings of this study guide educators and policy-makers in designing a more effective teaching and learning system while contributing to the achievement of making students a high marketable individual through a good mastery in HOTS as well as realizing the country's goals in the Malaysian Education Development Plan (PPPM, 2013-2025). In addition, the findings of this study can also be used by educators in conducting teaching and learning sessions for a variety of other subjects. Some suggestions have also included in this research to ensure that the mastery of students' in HOTS can be enhanced while making them highly competent individuals not only in Malaysia but internationally.

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah S.W.T dan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W kerana dengan berkat, keizinan, inayah, rahmat, dan restu-Nya, saya dapat menyelesaikan tesis ini bagi memenuhi sebahagian daripada syarat memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kurikulum dan Pengajaran. Saya berasa amat bersyukur kehadiran Ilahi kerana telah memberi kekuatan, semangat, dan kesabaran untuk menyempurnakan tesis ini. Mudah-mudahan hasil usaha ini dapat dijadikan rujukan bagi meneruskan pengkajian mendatang demi memperkasakan bidang Kurikulum dan Pengajaran di Malaysia.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas kepada Jawatankuasa Penyerahan Tesis iaitu Profesor Madya Dr. Suhaida Abdul Kadir selaku pengerusi jawatankuasa, Dr. Arnida Abdullah dan Dr. Siti Noormi Alias selaku jawatankuasa penyelia yang telah banyak membimbing dan memberi pandangan yang bernas dan jitu dalam memperkembangkan lagi kajian ini. Segala pandangan dan kritikan yang diberikan sepanjang tempoh penyeliaan tesis ini amat dihargai dan disanjung tinggi. Hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalasnya. Ucapan terima kasih juga kepada semua pemeriksa tesis, pensyarah - pensyarah dan seluruh kakitangan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Guru Besar dan pelaksana bagi seluruh Sekolah Menengah Kebangsaan yang terlibat dengan kajian, yang telah memberi kebenaran dan kerjasama sepanjang kajian dijalankan. Penghargaan ini juga ditujukan kepada pegawai-pegawai Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM dan Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM. Rasa terutang budi juga dirakamkan buat Kerajaan Negeri Perak atas bantuan dan sokongan, di samping penyelidik-penyelidik terdahulu dalam bidang kurikulum dan pengajaran yang mana penulisan mereka telah dimanfaatkan.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada pengurusan tertinggi SBI YMSU, Pengarah SBI YMSU, Ustaz Imran bin Kamal Basah, Timbalan-Timbalan Pengarah, Ustazah Mazlina binti Nasir, Ustazah Mimi Marsuzila binti Junoh, Ustaz Said bin Kemi, seluruh tenaga pengajar, para pelajar dan staf-kakitangan SBI YMSU atas semangat, bantuan dan sokongan yang diberikan dalam meneruskan perjuangan jihad ilmu ini. Tidak ketinggalan buat semua rakan-rakan seperjuangan di UPM yang saling memberi sokongan dan berkongsi rasa suka duka sepanjang proses menyempurnakan tesis ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih tidak terhingga istimewa buat arwah abah dan arwah ibu tercinta, Allahyarham Jamaluddin bin Md Nor dan Allahyarhamah Munah binti Mat Wali yang sentiasa merestui, mendoakan, memberi motivasi dan membantu segala keperluan sepanjang proses menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada ahli keluarga iaitu Ridzuan (Co), Nur Aini (Kak Co), Juha (Abang Ngah), Rodzimah (Nyah), Nurul Hasanah (Kak Yang), Muhammad Nuroni, Ainna Aqilah, Farhatun Atmam, Ridzqan Syakir, Hana Insyirah dan Mulhim Imtiyaz, terima kasih di atas doa restu kalian yang berterusan selama ini.



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Suhaida Abdul Kadir, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Arnida Abdullah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Siti Noormi Alias, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nor Sa'adah binti Jamaluddin (GS 48233)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Suhaida Abdul Kadir

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Arnida Abdullah

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Siti Noormi Alias

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
BAB	
1	Pengenalan
1.1	Pendahuluan 1
1.2	Latar Belakang Kajian 1
1.3	Pernyataan Masalah 8
1.4	Objektif Kajian 10
1.5	Persoalan Kajian 11
1.6	Hipotesis Kajian 11
1.7	Kepentingan Kajian 12
1.7.1	Sumbangan kepada Teori 12
1.7.2	Sumbangan kepada Praktis 13
1.8	Skop dan Limitasi Kajian 13
1.9	Definisi Istilah 14
1.9.1	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) 14
1.9.2	Persekitaran Pembelajaran 15
1.9.3	Strategi Pembelajaran 15
1.9.4	Konsep Kendiri Akademik 15
1.10	Rumusan Bab 16
2	Sorotan Literatur
2.1	Pendahuluan 17
2.2	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi 17
2.2.1	Definisi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi 18
2.2.2	Model Taksonomi Bloom Semakan Anderson 22
2.2.3	Dapatan dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi 23
2.3	Persekitaran Pembelajaran 26
2.3.1	Dimensi Persekitaran Pembelajaran 27
2.3.2	Teori Konstruktivis Sosial Vygotsky 31
2.3.3	Kesan Langsung antara Persekitaran Pembelajaran dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi 33
2.4	Strategi Pembelajaran 37
2.4.1	Dimensi Strategi Pembelajaran 39

2.4.2	Teori Pembelajaran Pengaturan Kendiri Zimmerman	45
2.4.3	Kesan Langsung antara Strategi Pembelajaran dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	48
2.5	Konsep Kendiri Akademik	53
2.5.1	Definisi Konsep Kendiri Akademik	53
2.5.2	Pengaruh Konsep Kendiri Akademik sebagai Moderator antara Persekitaran Pembelajaran dan Strategi Pembelajaran	55
2.6	Kerangka Teoritikal	55
2.6.1	Teori Efikasi Kendiri Bandura	56
2.6.2	Perbincangan dan Pemilihan Kerangka Teoritikal	57
2.7	Kerangka Konseptual Kajian	58
2.8	Rumusan Bab	59
3	METODOLOGI KAJIAN	61
3.1	Pendahuluan	61
3.2	Reka Bentuk Kajian	61
3.3	Lokasi Kajian	62
3.4	Populasi dan Persampelan Kajian	62
3.5	Instrumen Kajian	67
3.5.1	Demografi Responden	69
3.5.2	Persekitaran Pembelajaran	69
3.5.3	Strategi Pembelajaran	69
3.5.4	Konsep Kendiri Akademik	70
3.5.5	Ujian KBAT MPEI PP	72
3.5.6	Terjemahan	74
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	75
3.6.1	Kesahan	75
3.6.2	Kebolehpercayaan	79
3.7	Kajian Rintis	81
3.8	Tatacara Pengumpulan Data	84
3.9	Penganalisan Data	84
3.9.1	Ralat Tiada-Respon (non-response bias)	88
3.9.2	Kehilangan Data	89
3.9.3	Kadar Maklum Balas	89
3.10	Penyediaan Analisis Data	89
3.10.1	Mentakrif Konstruk Individu (Langkah 1)	90
3.10.2	Membangunkan Model Pengukuran (Langkah 2)	91
3.10.3	Mencipta Kajian untuk Membuat Keputusan Empirikal (Langkah 3)	91
3.10.4	Menilai Kesahan Model Pengukuran (Langkah 4)	92
3.11	Analisis Pengesahan Faktor (CFA)	92
3.11.1	Model Analisis Pengesahan Faktor (CFA) Persekitaran Pembelajaran	94
3.11.2	Model Analisis Pengesahan Faktor (CFA) Pengurusan Masa	97
3.11.3	Model Analisis Pengesahan Faktor (CFA) Penumpuan	98
3.11.4	Model Analisis Pengesahan Faktor (CFA) Sikap	100

3.11.5	Model Analisis Pengesahan Faktor (CFA) Motivasi	102
3.11.6	Model Analisis Pengesahan Faktor (CFA) Kegelisahan	103
3.11.7	Model Analisis Pengesahan Faktor (CFA) Konsep Kendiri Akademik	105
3.12	Model Pengukuran Kajian	107
3.13	Rumusan Bab	119
4	DAPATAN KAJIAN	121
4.1	Pendahuluan	121
4.2	Demografi Responden Kajian	121
4.3	Profil Responden	121
4.4	Dapatan Analisis Deskriptif	122
4.4.1	Persekitaran Pembelajaran	122
4.4.2	Strategi Pembelajaran	127
4.4.3	Konsep Kendiri Akademik	133
4.4.4	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	134
4.5	Analisis Permodelan Persamaan Berstruktur (SEM)	136
4.6	Menentukan Model Struktural (Langkah 5)	136
4.7	Menilai Kesahan Model Struktural (Langkah 6)	137
4.8	Pengaruh Konsep Kendiri Akademik sebagai Moderator Hubungan antara Persekitaran Pembelajaran Psikososial, Pengurusan Masa, Penumpuan, Sikap, Motivasi, dan Kegelisahan dengan KBAT	142
4.9	Rumusan Bab	146
5	RUMUSAN, IMPLIKASI, DAN CADANGAN	148
5.1	Pendahuluan	148
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	148
5.2.1	Pembentukan Model Struktural Kajian	148
5.2.2	Kesan Persekitaran pembelajaran Psikososial ke atas KBAT	149
5.2.3	Kesan Strategi Pembelajaran ke atas KBAT	150
5.2.4	Konsep Kendiri Akademik sebagai Moderator	153
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	154
5.4	Implikasi Kajian	156
5.4.1	Implikasi Teoritikal	156
5.4.2	Implikasi Praktikal	160
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	161
5.6	Sumbangan Kajian	163
5.7	Rumusan Bab dan Penutup	164
	RUJUKAN	166
	LAMPIRAN	195
	BIODATA PELAJAR	231
	SENARAI PENERBITAN	232

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
2.1	Tahap Pemikiran dalam KBAT MPEI PP	20
2.2	Klasifikasi Persekitaran Pembelajaran	29
2.3	Klasifikasi dan Dimensi Strategi Pembelajaran	42
3.1	Kaedah Persampelan Rawak Mudah Mengikut Zon di Semenanjung Malaysia	64
3.2	Populasi Murid Tingkatan 4 Kelas Perakaunan Mengikut Negeri	64
3.3	Bilangan Sampel Pelajar Tingkatan 4 Kelas Perakaunan Mengikut Negeri	66
3.4	Spesifikasi aspek yang diukur oleh item-item dalam Bahagian B	69
3.5	Spesifikasi aspek yang diukur oleh item-item dalam Bahagian C	70
3.6	Spesifikasi aspek yang diukur oleh item-item dalam Bahagian D	70
3.7	Spesifikasi Aspek yang Diukur dalam Instrumen Bahagian E	72
3.8	Interpretasi Skor Min Persekitaran Pembelajaran, Strategi pembelajaran, dan Konsep Kendiri Akademik	73
3.9	Interpretasi Tahap KBAT	73
3.10	Ringkasan Instrumen Kajian, Bil Item dan Sumber	74
3.11	Aras Kesukaran dan Indeks Pembezaan	76
3.12	Reka Bentuk semula Instrumen Kajian Berdasarkan Maklum Balas Pakar	77
3.13	Interpretasi Tahap Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik	80
3.14	Interpretasi Kebolehpercayaan Ujian KBAT	80
3.15	Nilai F, D dan K-R20 bagi konstruk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	82
3.16	Pekali Kebolehpercayaan Kajian Rintis dan Kajian Sebenar	83
3.17	Ujian Statistik yang digunakan bagi mencapai Objektif Kajian	88
3.18	Indeks Kesepadanan Kajian	93
3.19	Nilai Indeks Kesepadanan Relative Chi-Square, GFI, CFI, IFI, TLI, dan RMSEA bagi Model CFA Akhir Persekitaran Pembelajaran Psikososial	96
3.20	Nilai Faktor Pemberat, AVE dan CR bagi CFA Akhir Persekitaran Pembelajaran Psikososial	96
3.21	Nilai Indeks Kesepadanan Relative Chi-Square, GFI, CFI, IFI, NFI, TLI dan RMSEA bagi Model CFA Akhir Pengurusan Masa	97
3.22	Nilai Faktor Pemberat, AVE dan CR bagi CFA Akhir Pengurusan Masa	98
3.23	Nilai Indeks Kesepadanan Relative Chi-Square, GFI, CFI, IFI, NFI, TLI dan RMSEA bagi Model CFA Akhir Penumpuan	99

3.24	Nilai Faktor Pemberat, AVE, dan CR bagi CFA Akhir Penumpuan	99
3.25	Nilai Indeks Kesepadanan Relative Chi-Square, GFI, CFI, IFI, TLI, dan RMSEA bagi Model CFA Akhir Sikap	100
3.26	Nilai Faktor Pemberat, AVE dan CR bagi CFA Akhir Sikap	100
3.27	Nilai Indeks Kesepadanan Relative Chi-Square, GFI, CFI, IFI, TLI, dan RMSEA bagi Model CFA Akhir Motivasi	102
3.28	Nilai Faktor Pemberat, AVE dan CR bagi CFA Akhir Motivasi	103
3.29	Nilai Indeks Kesepadanan Relative Chi-Square, GFI, CFI, IFI, TLI, dan RMSEA bagi Model CFA Akhir Kegelisahan	104
3.30	Nilai Faktor Pemberat, AVE dan CR bagi CFA Akhir Kegelisahan	105
3.31	Nilai Indeks Kesepadanan Relative Chi-Square, GFI, CFI, NFI, dan RMSEA bagi Model CFA Akhir Konsep Kendiri Akademik	106
3.32	Nilai Faktor Pemberat, AVE dan CR bagi CFA Akhir Konsep Kendiri Akademik	106
3.33	Pemberat Regresi dan Pemberat Regresi Piawai untuk Model Pengukuran Lengkap Kajian	107
3.34	Nilai Faktor Pemberat, AVE dan CR bagi Setiap Item Persekitaran Pembelajaran Psikososial, Pengurusan Masa, Penumpuan, Sikap, Motivasi, dan Kegelisahan	111
3.35	Kesahan Diskriminan Persekitaran Pembelajaran Psikososial, Pengurusan Masa, Penumpuan, Sikap, Motivasi, dan Kegelisahan	113
3.36	Ujian Normaliti berdasarkan Nilai Skewness dan Kurtosis	114
3.37	Pemerhatian Jarak dari Kedudukan Centroid (Jarak Mahalanobis)	116
4.1	Maklumat Profil Responden	122
4.2	Taburan Skor Persekitaran Pembelajaran	123
4.3	Skor Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Setiap Item Persekitaran Pembelajaran Psikososial	124
4.4	Taburan Skor Strategi Pembelajaran	127
4.5	Skor Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Setiap Item Pengurusan Masa	128
4.6	Skor Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Setiap Item Penumpuan	129
4.7	Skor Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Setiap Item Sikap	130
4.8	Skor Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Setiap Item Motivasi	131
4.9	Skor Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Setiap Item Kegelisahan	132
4.10	Taburan Skor Konsep Kendiri Akademik	133
4.11	Skor Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Setiap Item Konsep Kendiri Akademik	133

4.12	Taburan Skor Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	135
4.13	Rumusan Pengujian Hipotesis	140
4.14	Perbandingan nilai X^2 dan DF	143
4.15	<i>Assuming Model Unconstrained to be Corrected</i>	143
4.16	Keputusan Kesan Moderator Konsep Kendiri Akademik ke atas Hubungan Persekitaran Pembelajaran Psikososial dengan KBAT	144
4.17	Keputusan Kesan Moderator Konsep Kendiri Akademik ke atas Hubungan Pengurusan Masa dengan KBAT	144
4.18	Keputusan Kesan Moderator Konsep Kendiri Akademik ke atas Hubungan Penumpuan dengan KBAT	145
4.19	Keputusan Kesan Moderator Konsep Kendiri Akademik ke atas Hubungan Sikap dengan KBAT	145
4.20	Keputusan Kesan Moderator Konsep Kendiri Akademik ke atas Hubungan Motivasi dengan KBAT	145
4.21	Keputusan Kesan Moderator Konsep Kendiri Akademik ke atas Hubungan Kegelisahan dengan KBAT	146

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	Model Taksonomi Bloom Semakan Anderson	22
2.2	Teori Konstruktivis Sosial (Vygotsky, 1978)	32
2.3	Teori Pembelajaran Pengaturan Kendiri (Zimmerman, 1990; Pintrich & Groot, 1990)	46
2.4	Teori Efikasi Kendiri (Bandura, 1977)	57
2.5	Kerangka Teoritikal Kajian	58
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	59
3.1	Teknik Persampelan	67
3.2	Langkah-Langkah Analisis SEM (Adaptasi Hair <i>et al.</i> , 2010)	90
3.3	Model Pengukuran Keseluruhan	91
3.4	Model CFA Akhir bagi Persekitaran Pembelajaran Psikososial	95
3.5	Model CFA Akhir bagi Pengurusan Masa	97
3.6	Model CFA Akhir bagi Penumpuan	99
3.7	Model CFA Akhir bagi Sikap	100
3.8	Model CFA Akhir bagi Motivasi	102
3.9	Model CFA Akhir bagi Kegelisahan	104
3.10	Model CFA Akhir bagi Konsep Kendiri Akademik	106
3.11	Model Pengukuran Lengkap Kajian	109
3.12	Model Pengukuran Lengkap selepas Proses Pengujian Normaliti dan <i>Outliers</i>	119
4.1	Model Struktural KBAT	138

SENARAI SINGKATAN

AGFI	<i>Adjusted-Goodness-of-Fit Index</i>
Alpha	<i>Cronbach Alpha</i>
AMOS	<i>Analysis Moment of Structure</i>
ASDQ	<i>Academic Self-Description Questionnaire</i>
AVE	<i>Average Variance Extracted</i>
CFA	<i>Analisis Pengesahan Faktor</i>
CFI	<i>Comparative-Fit-Index</i>
Chi-sq/df	<i>Relative Chi-Square</i>
CR	<i>Kebolehpercayaan Konstruk</i>
CV	<i>Kesahan Konvergen</i>
DF	<i>Darjah Kebebasan</i>
DSKP	<i>Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran</i>
EFA	<i>Analisis Eksploratori Faktor</i>
FPK	<i>Falsafah Pendidikan Kebangsaan</i>
IFI	<i>Incremental Fit Index</i>
IPT	<i>Institusi Pengajian Tinggi</i>
ISPLE	<i>Inventory of Students' Perceived Learning Environment</i>
KBAR	<i>Kemahiran Berfikir Aras Rendah</i>
KBAT	<i>Kemahiran Berfikir Aras Tinggi</i>
KBKK	<i>Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif</i>
KBSM	<i>Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah</i>
KKA	<i>Konsep Kendiri Akademik</i>
KPM	<i>Kementerian Pendidikan Malaysia</i>
KSSM	<i>Kurikulum Standard Sekolah Menengah</i>
LASSI-HS	<i>Inventori Strategi Belajar & Pembelajaran – Versi Sekolah Menengah</i>
MI	<i>Indeks Pengubahsuaian</i>
MPEI	<i>Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas</i>
NFI	<i>Normed Fit Index</i>
PdP	<i>Pengajaran dan Pembelajaran</i>
PdPc	<i>Pengajaran dan Pemudahcaraan</i>
PISA	<i>Programme International Student Assessment</i>
PNFI	<i>Parsimonious Fit Index</i>
PP	<i>Prinsip Perakauan</i>
PPPM	<i>Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia</i>
RMR	<i>Root-Mean-Square-Residual</i>
RMSEA	<i>Root Mean Square Error of Approximation</i>
SMK	<i>Sekolah Menengah Kebangsaan</i>
STEK	<i>Teori Efikasi Kendiri</i>
TIMMS	<i>Trends in International Mathematics and Science Study</i>
TKS	<i>Teori Konstruktivis Sosial</i>
TLI	<i>Tucker Lewis Index</i>
TPPK	<i>Teori Pembelajaran Pengaturan Kendiri</i>
X ²	<i>Chi-Square</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini memberi penerangan ringkas berkaitan elemen penyelidikan yang difokuskan oleh penyelidik. Perbincangan dimulakan dengan latar belakang penyelidikan meliputi aspek transformasi pendidikan dari segi sejarah, kepentingan, dan hubungannya dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Seterusnya, penyelidik menjurus kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang menjadi fokus kajian. Pernyataan masalah bagi kajian ini diperjelaskan berserta dengan objektif, persoalan, hipotesis, kepentingan dan skop, dan limitasi kajian. Definisi istilah yang menjelaskan pendetailan istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini turut dikemukakan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Penekanan kepada pengaplikasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) timbul rentetan daripada wawasan negara untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi melalui pelaksanaan transformasi pendidikan (Tajudin & Chinnappan, 2016). Melalui transformasi pendidikan, Malaysia mensasarkan keberhasilan melahirkan warga yang berakar nasional dan berakar internasional melalui kemampuan berinovasi dan berdaya saing dalam pelbagai bidang di peringkat global sekaligus mampu menerajui negara ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara maju yang sejahtera (Ismail, 2016).

Sistem pendidikan adalah tunjang pembangunan bagi sesebuah Negara (Suprpto, Fahrizal, Priyono, & Basri, 2017) yang dilihat perlu bergerak seiring dengan transformasi ekonomi melalui penyediaan sistem pendidikan yang baik dan berkualiti tinggi termasuk penyediaan ilmu pengetahuan (Short, 2019; Yahya & Sa'ari, 2015) dan kemahiran abad ke-21 terutama KBAT (Raiyn, 2016; Hopson, Simms, & Knezek, 2001) kepada semua generasi masyarakat sama ada generasi kini, generasi mendatang mahupun generasi sebelumnya dengan hasrat memacu pertumbuhan ekonomi dan memakmurkan negara (Short, 2019; Fan, Yussof & Ismail, 2013).

Bersesuaian dengan zaman persaingan ekonomi perindustrian yang dilalui oleh negara, keperluan menghasilkan persaingan daya fikir yang bersifat kritis, inovatif (Ahuna, Tinnesz, & Kiener, 2014), imaginatif, dan kreatif (Mohamad Yusof, 2017; Wilkin, 2017) dalam kalangan generasi muda merupakan aspek penting yang perlu diberikan

perhatian bagi mendepani zaman ledakan teknologi dan maklumat (Ichsan, Sigit, & Miarsyah, 2019). Penggubalan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang memberikan fokus kepada pengaplikasian KBAT merupakan langkah awal yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memastikan transformasi pendidikan yang direncanakan sentiasa melalui fasa peningkatan dan seterusnya menyumbang kepada tercapainya hasrat yang disasarkan oleh negara (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) didefinisikan sebagai keupayaan individu dalam mengaplikasi pengetahuan, kemahiran, dan nilai (Saputri, Sajidan, Rinanto, Afandi, & Prasetyanti, 2019; Yeung, 2015) melalui proses membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi, dan berupaya mencipta sesuatu (Cone *et al.*, 2016; Rugutt, 2013) merangkumi strategi berfikir, kemahiran berfikir kritis, kreatif, dan kemahiran menaaakul (Tanujaya, Mumu, & Margono, 2017). Platform yang digunakan dalam memastikan pengaplikasian KBAT berdasarkan keperluan transformasi kurikulum mencapai sasaran yang ditetapkan adalah melalui penglibatan elemen kurikulum dan pengajaran di sekolah berdasarkan mata pelajaran yang dipelajari oleh murid (Short, 2019; Nold, 2017; Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).

Transformasi kurikulum yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan merupakan salah satu usaha menambah baik program pembelajaran bagi meningkatkan keberhasilan murid dalam mencapai enam aspirasi murid seperti pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika, dan kerohanian serta identiti nasional (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Justeru itu, sejajar dengan perkembangan dunia pendidikan global, Malaysia melalui KPM turut mengambil langkah menyusun atur penambahbaikan dalam sistem pendidikan negara melalui program Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) dengan memperkenalkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) KBAT seperti yang disarankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025) merupakan satu pelan strategik jangka panjang yang mengupaya pelaksanaan transformasi sistem pendidikan kebangsaan secara menyeluruh dalam menterjemah semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) bagi tujuan merencanakan pendidikan seimbang (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Justeru itu, keutamaan yang perlu diberi perhatian dalam mencapai hasrat untuk memacu kecemerlangan pendidikan negara pada masa hadapan adalah menyiapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran serta amalan-amalan baru dalam aspek PdP yang relevan dengan perkembangan dan keperluan abad ke-21 melalui penekanan kepada konsep pembelajaran sepanjang hayat (Mohd Arshad & Mohd Yasin, 2015) kepada murid. Seajar dengan objektif FPK, konsep pembelajaran sepanjang hayat dapat dilihat melalui pelaksanaan transformasi kurikulum daripada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) kepada

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang memberi penekanan kepada kemampuan murid berinteraksi dalam pelbagai situasi, kemampuan menyelesaikan masalah, dan kemampuan berfikir serta menaakul sesuatu masalah dan situasi (Bourke, 2019; Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016; Mohd Arshad & Mohd Yasin, 2015).

Kemahiran berfikir merentasi semua disiplin ilmu adalah fokus utama dalam enam aspirasi murid berdasarkan penanda aras yang perlu dicapai oleh setiap murid dalam transformasi pendidikan negara. Penetapan penanda aras tersebut meliputi pengetahuan dan kefahaman berkaitan kaedah pembelajaran sepanjang hayat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015) yang merangkumi kemampuan menggabung jalin ilmu yang berbeza, mewujudkan pengetahuan baharu (Mohammed Saido, Siraj, Nordin, & Al-Amedy, 2015) penyelesaian masalah, dan kebijaksanaan praktikal (Mohd Arshad & Mohd Yasin, 2015). Kemampuan menggabung jalin ilmu yang berbeza dan mewujudkan pengetahuan baru ini memberikan penekanan kepada penguasaan pelbagai elemen kemahiran kognitif seperti pemikiran kritis, penaakulan, pemikiran kreatif dan inovatif (Short, 2019; Abosalem, 2016).

Kemahiran berfikir yang baik dan berkualiti merupakan salah satu aspek penting dalam menghasilkan murid yang mempunyai nilai kebolehpasaran yang luas (Hashim, Kee, & Abdul Rahman, 2016; Mohd Arshad & Mohd Yasin, 2015). Nilai kebolehpasaran ini mempunyai hubungan kait dengan aspek pendidikan memandangkan pendidikan merupakan salah satu platform bagi pencetus kreativiti (Yeung, 2015) dan penjana inovasi (Tajudin & Chinnappan, 2016) melengkapkan generasi muda dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja dan menjadi pengupaya dalam perkembangan ekonomi secara keseluruhannya (Pereira, Vilas-Boas, & Rebelo, 2016).

Kajian mengenai kemahiran berfikir (Joe, Irene & Emmy, 2017; Tanujaya *et al.*, 2017; Wilkin, 2017; Dubas & Toledo, 2016a; Yee, Md Yunos, Othman, Hassan, Tee, & Mohamad, 2015; Mohammed Saido *et al.*, 2015; Bakry & Bakar, 2015; Yee, Md Yunos, Othman, Hassan, Tee, & Mohamad, 2012; Vijayaratnam, 2012; Yee, Md Yunos, Othman, Hassan, Tee, & Mohamad, 2011) telah banyak dilaksanakan di seluruh dunia dengan menjadikan fokus utama kajian mengenai kepentingan KBAT dalam kalangan murid rentetan daripada perubahan senario yang diaplikasikan dalam bidang pekerjaan dan ekonomi (Short, 2019; Hashim *et al.*, 2016). Namun, tinjauan literatur menyarankan perlanjutan kajian berkaitan KBAT diterokai dengan menjadikan mata pelajaran khusus sebagai atribut utama kajian.

Kegagalan penguasaan kemahiran pemikiran kritikal melalui platform sistem pendidikan negara akan mengakibatkan kegagalan dalam menghasilkan tenaga kerja yang berkualiti (Short, 2019; Nold, 2017; Yeung, 2015; Mohd Arshad & Mohd Yasin, 2015) sekaligus mengganggu gugat keupayaan memimpin dalam golongan generasi muda (Wilkin, 2017). Ini dibuktikan melalui laporan daripada *The National Graduate*

Employability, Blueprint 2012-2017 (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2012) menerangkan bahawa masalah yang paling kerap dikenal pasti oleh majikan terhadap tenaga kerja adalah ketidakmampuan untuk menyelesaikan masalah (25.9%) dan kurang pengetahuan yang mendalam terhadap sesuatu ilmu (23.8%).

Abdullah, Zainal Abidin, dan Ali (2015) turut mendapati kegagalan penguasaan kemahiran berfikir pelajar meliputi kurang keupayaan dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan merupakan antara faktor utama graduan tidak mendapat pekerjaan. Oleh yang demikian, pemfokusan kepada pendekatan PdP KBAT perlu dipraktikkan dengan lebih menyeluruh terutama dalam elemen kurikulum di sekolah bagi memastikan transformasi pendidikan negara mampu menjamin transformasi ekonomi negara pada tahun kini dan mendatang (Bowen, 2019; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Perlaksanaan proses PdP di sekolah dilihat mampu menyumbang kepada kejayaan pengaplikasian KBAT murid melalui keterlibatan pelbagai faktor dalaman dan luaran yang menyokong pembelajaran murid (Short, 2019; Nold, 2017). Dapatan kajian terdahulu menjelaskan kewujudan persekitaran pembelajaran yang positif dan pemilihan strategi pembelajaran yang bersesuaian dengan mata pelajaran mempunyai hubungan dengan kejayaan pengaplikasian KBAT murid (Dumford, Cogswell, & Miller, 2016a; Yee *et al.*, 2015; Che Ahmad, Osman, & Halim, 2013; Fraser, 1998). Justeru itu, kajian ini mengambil kira elemen persekitaran pembelajaran dan strategi pembelajaran sebagai faktor pembelajaran yang diuji dalam melihat hubungan kedua-dua faktor ini terhadap kejayaan pengaplikasian KBAT murid dengan mengambil kira konsep sendiri akademik sebagai faktor moderator.

Persekitaran pembelajaran merupakan platform asas kepada pembelajaran murid (Vinales, 2015) merangkumi semua aspek persekitaran murid yang mempromosikan pembelajaran (Ichsan *et al.*, 2019; Joyce & Weil, 1996) meliputi aspek fizikal, sosial, psikologi, dan pedagogi di mana sesuatu pembelajaran berlaku. Persekitaran pembelajaran wujud secara serentak apabila bermulanya proses PdP (Puteh, Adnan, Ibrahim, Mohamed Noh, & Che Ahmad, 2014) dalam sesuatu tempoh masa yang telah ditetapkan dan seringkali dilihat mempengaruhi pencapaian dan sikap murid (Chen, Fan, & Jury, 2017; Fraser, 1998).

Pencapaian akademik yang merangkumi tahap KBAT murid dapat dipertingkatkan melalui persekitaran pembelajaran yang wujud kesan daripada keterlibatan dimensi alam sekitar seperti kemudahan pembelajaran (Richardson & Mishra, 2018; Chen *et al.*, 2017; Mokhtar, 2012), pengajaran berorientasikan konstruktivis (Chen *et al.*, 2017; Dorit & Barry, 2005) matlamat yang jelas dan kesesuaian kurikulum (Chen *et al.*, 2017), autonomi murid (Gasser, Grutter, Buholzer, & Wettstein, 2018; Chen *et al.*, 2017) kerjasama antara murid (Richardson & Mishra, 2018; Chen *et al.*, 2017 dan Mohd Nadzir, 2010) dan identiti rakan sebaya (Chen *et al.*, 2017) dikaitkan secara

positif dengan kepuasan hidup (Shernoff, Ruzek & Sinha, 2017; Chen *et al.*, 2017; Wan Ngah, Abdul Ghani, & Lubis, 2011). Justeru itu, seseorang murid akan berusaha untuk mencapai sesuatu dengan bersungguh-sungguh apabila aspek kepuasan hidup mereka dititik beratkan (Chen *et al.*, 2017).

Kewujudan persekitaran pembelajaran yang positif dan berkualiti perlu disokong dengan pengaplikasian strategi pembelajaran yang teratur dan berkesan (Wijnen, Loyens, Smeets, Kroeze, & Van, 2017) bagi memastikan sasaran untuk menerapkan pengaplikasian KBAT dalam kalangan murid di sekolah tidak terganggu. Ini kerana, strategi pembelajaran telah terbukti menjadi elemen penting dalam kejayaan murid di sekolah (Dumford *et al.*, 2016a). Secara umumnya, keterlibatan faktor-faktor persekitaran pembelajaran dalam pemilihan strategi pembelajaran adalah satu situasi yang seringkali terjadi kepada kebanyakan murid di sekolah memandangkan dua elemen ini merupakan isu yang seringkali dibahaskan apabila soal pendidikan dan KBAT diutarakan (Wijnen *et al.*, 2017).

Strategi pembelajaran adalah suatu aktiviti mental yang dikawal oleh murid dalam mempelajari dan memahami sesuatu mata pelajaran di sekolah (Frey, Deutscher, & Renkl, 2018; Ohst, Glogger, Nuckles, & Renkl, 2015). Selain itu, strategi pembelajaran juga didefinisikan sebagai pemikiran atau apa jua tingkah laku yang membantu meningkatkan proses penterjemahan, mempengaruhi tahap motivasi dan afektif, dan hasil pembelajaran murid. Apabila murid mengenali strategi pembelajaran yang tepat dan bersesuaian untuk diri mereka dalam mempelajari pelajaran yang dipelajari, maka proses pembelajaran yang dilalui menjadi lebih mudah (Lopez, Ibanez, & Racines, 2017) sekaligus dapat memaksimumkan potensi murid kepada KBAT (Sanip & Che Ahmad, 2014).

Strategi pembelajaran metakognitif, strategi pembelajaran kognitif, dan strategi pembelajaran afektif yang meliputi elemen sikap, motivasi, pengurusan masa, kegelisahan, dan penumpuan (Weinstein, Zimmerman, & Palmer, 1988) merupakan antara elemen strategi pembelajaran yang mengukur tahap psikologi dan tingkah laku berkaitan dengan tabiat belajar murid dan orientasi pembelajaran. Elemen ini juga diberi perhatian oleh penyelidik kesan daripada keterlibatan ketiga-tiga elemen pembelajaran ini secara menyeluruh dalam mengukur perkembangan pencapaian dan kemahiran abad ke-21 dalam diri setiap murid (Wijnen *et al.*, 2017; Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016; Jeffrey, 2014).

Di samping faktor persekitaran pembelajaran dan strategi pembelajaran, konsep sendiri akademik (KKA) merupakan faktor yang turut mempengaruhi pencapaian murid dalam pembelajaran mereka (Kadir, Yeung, & Diallo, 2017; Kadir & Yeung, 2016; Guo, Marsh, Parker, Morin, & Yeung, 2015; Kadir, Yeung, & Barker, 2013; Marsh, Xu & Martin, 2012). Kadir *et al.*, (2017) melalui dapatan kajiannya menjelaskan konsep sendiri akademik murid yang meningkat menjadikan pencapaian akademik murid

dalam pembelajaran turut meningkat. Dapatan ini memberi gambaran bahawa faktor konsep sendiri akademik menyumbang kepada penentuan pencapaian dalam pembelajaran murid.

Kepercayaan, sikap, dan persepsi diri terhadap kemampuan akademik (Kadir & Yeung, 2016; Nicola, Abigail & Joan, 2013; Guay, Marsh & Boivin, 2003; Marsh & Craven, 2006) dirujuk sebagai konsep sendiri akademik. Penilaian konsep sendiri akademik adalah berkait kepada kerangka rujukan peribadi murid meliputi kemampuan akademik murid dan rakan-rakan murid dan pandangan murid dan rakan-rakan murid dalam menilai sesi PdP di sekolah (Dockx, Fraine, & Vandecandelaere, 2019).

Kajian berkaitan konsep sendiri akademik yang telah dijalankan oleh penyelidik sejak empat dekad yang lalu telah membawa kepada penemuan penting yang merumuskan penghasilan model konsep sendiri akademik (Arens, Yeung, Craven, & Hasselhorn, 2011; Marsh, Craven, & Debus, 1999) yang bertindak balas secara berbeza terhadap mata pelajaran yang berbeza bagi pencapaian akademik murid di sekolah (Kadir *et al.*, 2017).

Konsep sendiri akademik juga menggambarkan kecekapan sendiri murid dalam domain yang difokuskan meliputi rasa kecekapan murid dalam mata pelajaran yang dipelajari atau penilaian murid terhadap diri sendiri berkaitan kemampuan dalam menguasai mata pelajaran yang dipelajari. Selain itu, konsep sendiri akademik turut menjelaskan tindak balas motivasi murid dalam mata pelajaran yang diambil meliputi minat murid untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran dan keseronokan murid dalam mempelajari mata pelajaran tersebut (Arens *et al.*, 2011; Marsh *et al.*, 1999).

Keterlibatan faktor persekitaran pembelajaran, strategi pembelajaran, dan konsep sendiri akademik dalam mengukur hubungan bagi kejayaan pengaplikasian KBAT murid turut diimplementasi melalui transformasi KSSM yang digubal bersesuaian dengan PPPM (2013-2025) (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Bagi tujuan kajian ini, penyelidik menjadikan Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) Prinsip Perakaunan (PP) sebagai fokus utama dalam melihat kejayaan pengaplikasian KBAT murid. Pemilihan MPEI PP sebagai fokus utama kajian adalah rentetan daripada pemilihan mata pelajaran ini sebagai perintis kepada pelaksanaan transformasi pendidikan dalam PPPM (2013-2025) melalui KSSM dan KBAT (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016) yang menjadi platform dalam menyediakan murid dengan kepelbagaian kemahiran abad ke-21 (Short, 2019). Proses penyediaan murid dengan kepelbagaian kemahiran abad ke-21 ini mampu mengisi persaingan pasaran kerja di peringkat global (Nold, 2017) sekaligus menyokong transformasi ekonomi yang dirangka dan disusun oleh negara (Pereira, *et al.*, 2019).

Merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) terbitan Bahagian Pembangunan Kurikulum (2016), KSSM MPEI PP bermatlamat untuk melahirkan individu yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran perakaunan, berakauntabiliti, berfikiran kritikal dan reflektif, mengamalkan budaya kerja yang beretika, berkemahiran dalam teknologi maklumat, membudayakan pembelajaran sepanjang hayat, mempunyai kemahiran komunikasi yang baik melalui pendekatan pembelajaran bermakna dan kesepaduan teori dan amalan perakaunan. Seterusnya, individu tersebut boleh membuat keputusan, peka terhadap kesan setelah keputusan diambil, bertanggungjawab dan dapat mengaplikasikan pengetahuan dan ilmu yang diperolehi dalam kerjaya dan kehidupan sebenar (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).

Prinsip Perakaunan (PP) juga dianggap sebagai satu pengajian asas yang merangkumi kemampuan menyepadukan ilmu kitaran perakaunan dengan adab, nilai murni, dan etika kerja perakaunan bagi memahami dan menilai prestasi perniagaan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Selain itu, kebertanggungjawaban individu kepada Pencipta, diri, masyarakat dan negara di atas segala tindakan dan keputusan yang diambil turut menjelaskan perihal konsep akauntabiliti (Shahar, Nawawi, & Salin, 2020) yang menjadi salah satu matlamat dalam kurikulum MPEI PP.

Seterusnya, matlamat dalam kurikulum MPEI PP untuk menyediakan murid yang mempunyai pemikiran kritikal dan reflektif berkait rapat dengan keupayaan murid untuk berfikir secara kritis dan mengimbas kembali (reflektif) pelbagai situasi perniagaan yang dilalui melalui pendekatan yang menyeluruh bagi tujuan melakukan penambahbaikan ke arah yang lebih baik dalam setiap keputusan (Haynes, 2020). Kemampuan berfikiran kritikal dan reflektif dalam diri individu memberi gambaran bahawa penguasaan sebahagian daripada elemen KBAT telah berjaya dikuasai oleh murid (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).

Kurikulum MPEI PP juga melibatkan elemen gabung jalin ilmu antara satu tajuk ke tajuk yang lain melalui pendekatan PdP yang dimulakan dengan penumpuan kepada aspek pemahaman, falsafah, konsep, dan prinsip. Gabung jalin ilmu ini memberi nilai tambah kepada murid untuk menguasai kemahiran mengklasifikasi, merekod, menganalisis, mentafsir, dan mengungkap data kewangan berdasarkan urus niaga atau peristiwa perniagaan sebenar dalam amalan industri selain memenuhi keperluan sukatan pelajaran badan professional pada peringkat yang setara (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).

Justeru, berdasarkan penetapan matlamat dalam MPEI dan peranan MPEI PP sebagai perintis utama dalam transformasi kurikulum melalui transformasi KBSM kepada KSSM dan KBKK kepada KBAT yang memenuhi keperluan badan professional perakaunan seperti LCCI, MASB, CIMA, MIA, MICPA, dan ACCA mampu menyediakan modal insan dalam profesional perakaunan di pelbagai peringkat, yang

memanfaatkan kemahiran dan ilmu untuk diri sendiri, masyarakat, dan negara sekaligus menyumbang kepada pembangunan negara maju menjadi hujahan dalam menilai kesignifikan KBAT dalam MPEI PP.

Bidang kurikulum dan pengajaran merupakan fokus penyelidikan dalam menjalankan kajian. Melalui pemilihan persekitaran pembelajaran, strategi pembelajaran, konsep sendiri akademik, dan KBAT sebagai pemboleh ubah ia menjelaskan secara umum fokus kajian yang menjurus kepada aspek pengajaran yang memberi tumpuan khusus berkaitan interaksi belajar dan mengajar yang wujud antara guru dan murid serta keadaan persekitaran. Rentetan daripada kekurangan kajian yang memberi fokus kepada persekitaran pembelajaran dan strategi pembelajaran yang menjadikan MPEI PP sebagai atribut utama kajian, maka kajian ini yang memberi penumpuan kepada MPEI PP turut memberikan gambaran dan penjelasan berkaitan faktor persekitaran pembelajaran dan strategi pembelajaran khusus yang perlu diamalkan bagi menyumbang kepada kejayaan pengaplikasian KBAT dalam MPEI PP khususnya dan mata pelajaran lain umumnya.

Bersesuaian dengan transformasi pendidikan negara, dengan tujuan memastikan sasaran PPPM (2013-2025) berjaya dicapai, penyelidik berpendapat satu kajian berkaitan konsep sendiri akademik sebagai moderator antara persekitaran pembelajaran dan strategi pembelajaran dengan KBAT dalam kalangan murid tingkatan empat kelas perakaunan perlu dijalankan. Kajian ini sebagai memberi sumbangan dalam pengkajian ilmu berkaitan dimensi strategi pembelajaran yang perlu difokuskan oleh murid bagi memastikan penguasaan KBAT mereka dalam MPEI PP dapat dipertingkatkan sekaligus memberi gambaran strategi pembelajaran yang khusus dalam MPEI PP.

Selanjutnya, kajian ini adalah turut memberi sumbangan dan sokongan kepada PPPM (2013-2025) melalui bidang kurikulum dan pengajaran di samping mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan dan kegagalan pengaplikasian KBAT dalam KSSM MPEI PP sekaligus membantu negara dalam pentaksiran antarabangsa seperti *TIMMS* dan *PISA* dalam tempoh 15 tahun mendatang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

1.3 Pernyataan Masalah

Mengiktiraf kepentingan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) sebagai landasan bagi menyediakan murid dengan nilai kebolehpasaran yang tinggi untuk mencapai daya saing dan kelangsungan berterusan (Hashim *et al.*, 2016; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) banyak penyelidikan telah dijalankan bagi menjelaskan faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada kejayaan penguasaan KBAT. Namun, kajian berkaitan KBAT ini masih terhad dan memerlukan kajian yang lebih menyeluruh bagi

memberikan pemahaman yang tepat mengenai faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan menguasai KBAT dalam diri murid terutama dalam MPEI PP.

Perbahasan mengenai tahap penguasaan KBAT dalam kalangan murid di sekolah giat dibincangkan rentetan daripada dapatan analisis kupasan mutu menjawab soalan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) bagi Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) Prinsip Perakaunan (PP) menjelaskan bahawa penguasaan KBAT murid berada pada tahap yang kurang memuaskan akibat daripada ketidakmampuan murid untuk menjawab soalan-soalan yang memerlukan mereka berfikir pada aras tinggi (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2017). Justeru itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025) melalui Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) MPEI PP telah meletakkan garis panduan untuk menilai pengaplikasian KBAT dalam kalangan pelajar agar penambahbaikan dapat dilaksanakan di peringkat asas penerapan KBAT dalam sesuatu mata pelajaran.

Kajian terdahulu oleh Yee *et al.*, (2015) berkaitan KBAT adalah kajian berbentuk kuantitatif menggunakan dimensi KBAT yang dikemukakan oleh Marzano (1988) yang memberi fokus terhadap mata pelajaran matematik. Kajian oleh Yeung (2015) turut menggunakan dimensi KBAT yang dikemukakan oleh Marzano (1988) namun kajian yang dijalankan adalah berbentuk kualitatif dalam mata pelajaran Ekonomi. Justeru itu, penyelidik merasakan perlu untuk melaksanakan satu kajian berkaitan pengaplikasian KBAT yang menggunakan tahap pemikiran Taksonomi Bloom semakan Anderson bagi MPEI PP memandangkan masih kurang kajian yang memberi fokus kepada MPEI PP di peringkat sekolah menengah selepas berlakunya transformasi pendidikan melalui PPPM (2013-2025).

Teori konstruktivisme sosial Vygotsky (1978) menjelaskan bahawa persekitaran pembelajaran memberi kesan ke atas hasil pembelajaran murid terutama daripada aspek perolehan pengetahuan, pembentuk pengetahuan dan pentransformasi pengetahuan. Bakry & Bakar (2015) menjelaskan faktor yang menyebabkan ketidakcapaian penerapan KBAT dalam kalangan murid adalah disebabkan persekitaran pembelajaran yang memberi fokus kepada teknik pengajaran berpusatkan guru semata-mata dan melarang penglibatan aktif murid ketika di dalam kelas. Sedangkan penglibatan aktif murid semasa sesi PdP di dalam kelas begitu menyumbang kepada peningkatan transformasi minda sekaligus meningkatkan kemampuan KBAT dalam diri (Wilkin, 2017). Justeru itu, penyelidik meluaskan lagi kajian dengan menjadikan kelas perakaunan tingkatan empat sebagai subjek fokus bagi melihat amalan pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan dalam kelas MPEI PP terhadap pengaplikasian KBAT.

Faktor ketidakmampuan murid dalam memilih strategi pembelajaran yang sesuai bagi sesuatu mata pelajaran turut menyumbang kepada ketidakcapaian penguasaan KBAT yang cemerlang. Dapatan kajian terdahulu menjelaskan permasalahan murid dalam menguasai KBAT bukan disebabkan oleh tahap kepintaran mereka tetapi berpunca

daripada kegagalan menggunakan strategi pembelajaran kognitif, metakognitif, dan afektif dengan baik (Hassan, 2017; Wijnen *et al.*, 2017; Kikas & Jogi, 2016).

Kajian terdahulu berkaitan strategi pembelajaran telah banyak dilaksanakan, namun hanya memberi fokus kepada satu strategi pembelajaran sahaja (Sanip & Che Ahmad, 2014; Che Lah, Mohd Saat, & Hassan, 2013) malah hanya memberikan fokus kepada mata pelajaran selain mata pelajaran prinsip perakaunan iaitu biologi (Sanip & Che Ahmad, 2014; Mahamod & Mustafa, 2007), sains (Angela & Paul, 2016; Hugerat, 2015) dan bahasa melayu (Hassan, 2017). Maka, kajian yang memberi fokus kepada strategi pembelajaran yang diaplikasikan oleh murid dalam MPEI PP adalah penting untuk memperoleh dapatan menyeluruh.

Kajian terdahulu turut menawarkan penjelasan yang terhad berkaitan pemboleh ubah moderator dalam hubungan persekitaran pembelajaran dan strategi pembelajaran dengan pencapaian murid. Sehingga kini, beberapa konstruk telah diuji namun hanya sedikit sahaja dapatan yang memberikan gambaran dan penjelasan yang ketara berkaitan pemboleh ubah moderator yang mempengaruhi hubungan (Sangawi, Adams, & Reissland, 2016; Silvestre & Landa, 2016). Selebihnya, memberikan gambaran dan penjelasan bahawa hubungan yang terjadi antara pemboleh ubah moderator tersebut adalah kecil dan berlaku secara kebetulan (Panayiotou, Humphrey, & Wigelsworth, 2019; Marsh & Hau, 2015).

Walaupun terdapat pelbagai dapatan berkaitan konsep sendiri akademik dalam mempengaruhi pencapaian akademik murid, namun kajian ini penting untuk diteruskan melalui penglibatan elemen persekitaran pembelajaran dan strategi pembelajaran secara serentak. Penglibatan dimensi persekitaran pembelajaran dan strategi pembelajaran secara serentak ini membantu untuk menambahbaik dapatan kajian terdahulu agar kesan pemboleh ubah moderator ini dapat terus memberikan bukti empirikal mengenai apakah pengaruh pemboleh ubah moderator itu berlaku secara kebetulan atau secara langsung.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menentukan pengaruh konsep sendiri akademik sebagai moderator antara persekitaran pembelajaran dan strategi pembelajaran dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) murid tingkatan empat kelas perakaunan dalam Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) Prinsip Perakaunan (PP).

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

- 1) Menentukan tahap persekitaran pembelajaran psikososial, pengurusan masa, penumpuan, sikap, motivasi, kegelisahan, konsep sendiri akademik, dan KBAT murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP.
- 2) Menentukan kesan langsung antara persekitaran pembelajaran psikososial, pengurusan masa, penumpuan, sikap, motivasi, dan kegelisahan dengan KBAT murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP.
- 3) Menentukan konsep sendiri akademik adalah moderator dalam hubungan antara persekitaran pembelajaran psikososial, pengurusan masa, penumpuan, sikap, motivasi, dan kegelisahan dengan KBAT murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan yang berikut;

Objektif 1

1. Apakah tahap persekitaran pembelajaran psikososial murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP?
2. Apakah tahap pengurusan masa murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP?
3. Apakah tahap penumpuan murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP?
4. Apakah tahap sikap murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP?
5. Apakah tahap motivasi murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP?
6. Apakah tahap kegelisahan murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP?
7. Apakah tahap konsep sendiri akademik murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP?
8. Apakah tahap KBAT murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif kajian, hipotesis penyelidikan (H_a) digunakan kerana penyelidik ingin menguji pemboleh ubah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) sepadan dengan Teori Efikasi Kendiri (Bandura, 1977) dan disokong oleh dapatan literatur. Hipotesis alternatif berikut adalah menjawab objektif kajian kedua dan ketiga iaitu:

Objektif 2

- H₁: Terdapat kesan langsung antara faktor persekitaran pembelajaran psikososial dengan KBAT murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP.
- H₂: Terdapat kesan langsung antara faktor pengurusan masa dengan KBAT murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP.
- H₃: Terdapat kesan langsung antara faktor penumpuan dengan KBAT murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP.
- H₄: Terdapat kesan langsung antara faktor sikap dengan KBAT murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP.
- H₅: Terdapat kesan langsung antara faktor motivasi dengan KBAT murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP.
- H₆: Terdapat kesan langsung antara faktor kegelisahan dengan KBAT murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP.

Objektif 3

- H₇: Konsep sendiri akademik adalah moderator hubungan antara persekitaran pembelajaran psikososial dengan KBAT murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP.
- H₈: Konsep sendiri akademik adalah moderator hubungan antara pengurusan masa dengan KBAT murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP.
- H₉: Konsep sendiri akademik adalah moderator hubungan antara penumpuan dengan KBAT murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP.
- H₁₀: Konsep sendiri akademik adalah moderator hubungan antara sikap dengan KBAT murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP.
- H₁₁: Konsep sendiri akademik adalah moderator hubungan antara motivasi dengan KBAT murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP.
- H₁₂: Konsep sendiri akademik adalah moderator hubungan antara kegelisahan dengan KBAT murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP.

1.7 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan kajian ini memberi sumbangan bukan sahaja kepada praktis namun turut menyumbang kepada teori.

1.7.1 Sumbangan kepada Teori

Kajian ini menggabungkan antara teori dan model yang mendorong terhasilnya satu model baru yang dapat menggambarkan perkaitan antara pemboleh ubah melalui teori utama yang mendasari kajian. Penggunaan teori Konstruktivis Sosial yang menekankan persekitaran sosial sebagai pemangkin kepada pembelajaran dan perkembangan kognitif seseorang dan teori Pembelajaran Pengaturan Kendiri yang menerangkan

perihal kemahiran seseorang murid mengatur sendiri proses pembelajarannya menyumbang kepada tercetusnya dapatan perkaitan antara persekitaran pembelajaran, strategi pembelajaran metakognitif, strategi pembelajaran kognitif, strategi pembelajaran afektif, dan konsep sendiri akademik dengan KBAT murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP melalui pengembangan teori Efikasi Kendiri (Bandura, 1977).

1.7.2 Sumbangan kepada Praktis

Prinsip Perakaunan (PP) merupakan Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) yang dilibatkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025) melalui proses pengubalan kurikulum. Justeru, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan aspek penting yang diberi penekanan dalam PPPM melalui sesi PdP. Oleh yang demikian, kajian yang mengambil kira faktor yang mengelilingi kejayaan dan kegagalan KBAT ini penting kerana dapatan kajian ini dapat diguna pakai oleh pihak pelaksana yang meliputi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan para pendidik secara khususnya dalam membuat penambahbaikan dari aspek persekitaran pembelajaran dan strategi pembelajaran bagi memastikan sasaran transformasi pendidikan melalui PPPM (2013-2025) dapat dicapai dalam kadar yang segera sekaligus menjadikan tahap pendidikan Malaysia setanding dengan tahap pendidikan di peringkat global.

1.8 Skop dan Limitasi Kajian

Kajian ini hanya memberi fokus kepada murid tingkatan empat, Semenanjung Malaysia yang mengambil MPEI PP. Pemboleh ubah kajian yang digunakan adalah melibatkan dimensi persekitaran pembelajaran psikososial semata-mata tanpa mengambil kira aspek persekitaran pembelajaran fizikal. Dimensi persekitaran pembelajaran psikososial melibatkan komponen kemudahan pembelajaran, pengajaran berorientasikan konstruktivis, matlamat yang jelas dan kesesuaian kurikulum, autonomi murid, dan kerjasama antara murid.

Seterusnya, pemboleh ubah strategi pembelajaran melibatkan dimensi pengurusan masa, penumpuan, sikap, motivasi, dan kegelisahan. Elemen KBAT yang diberikan tumpuan dalam kajian ini meliputi kemahiran mengaplikasi, kemahiran menganalisis, kemahiran menilai, dan kemahiran mencipta. Penilaian bagi elemen KBAT murid adalah berbentuk ujian KBAT yang meliputi Bab 1, Bab 2, dan Bab 3 topik pembelajaran MPEI PP iaitu pengenalan kepada perakaunan, klasifikasi akaun dan persamaan perakaunan, dan dokumen perniagaan sebagai sumber maklumat.

Walaupun penilaian dan pengukuran ujian KBAT dalam kajian ini hanya difokuskan kepada modul aktiviti yang melibatkan topik pembelajaran Bab 1, Bab 2, dan Bab 3 yang diterbitkan oleh Sasbadi (Tan, 2017) dan diadaptasi oleh penyelidik, namun modul aktiviti ini telah dianalisis dan dinilai secara satu persatu oleh pakar dalam bidang kurikulum dan pengajaran MPEI PP. Melalui proses menganalisis dan menilai modul aktiviti ini, penyelidik telah diberikan pendedahan yang komprehensif dan holistik oleh pakar berkaitan teknik pembinaan modul KBAT khusus dalam MPEI PP. Pendedahan yang komprehensif dan holistik ini menyediakan penyelidik dengan pengetahuan bermanfaat yang membantu membina kepakaran penyelidik dalam bidang pendidikan perakaunan meliputi teknik pembinaan modul KBAT, penilaian modul KBAT, dan pemeriksaan modul KBAT secara umum dan secara khusus bagi MPEI PP.

Penyelidikan ini hanya tertumpu kepada murid tingkatan empat kelas perakaunan yang mengambil MPEI PP. Dapatan kajian ini dibataskan kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang dipilih bagi mewakili empat zon dalam Semenanjung Malaysia yang meliputi zon Utara, zon Tengah, zon Selatan dan zon Timur kecuali negeri Sabah dan Sarawak.

Seterusnya, soal selidik yang diadaptasi dan digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik dari luar negara. Oleh yang demikian, data-data yang diperoleh dalam kajian ini adalah berdasarkan soal selidik yang telah diubah suai dan dibuat terjemahan semula dalam Bahasa Melayu oleh pakar-pakar Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu yang dilantik. Ketepatan maklumat yang diperoleh dalam kajian ini bergantung dan terbatas pada kefahaman dan kesediaan responden menjawab soal selidik secara jujur dan ikhlas. Ini kerana soal selidik ini dijawab sendiri oleh responden. Secara tidak langsung peningkatan risiko berat sebelah (*bias*) terhadap jawapan yang diberikan oleh responden sedikit sebanyak menggugat keputusan yang dihasilkan.

1.9 Definisi Istilah

Dalam kajian ini, huraian terperinci bagi beberapa istilah penting yang perlu diberikan penjelasan telah dikenal pasti. Antara istilah-istilah yang berkaitan adalah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), persekitaran pembelajaran, strategi pembelajaran, dan konsep sendiri akademik.

1.9.1 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Secara teoritikal, KBAT didefinisikan sebagai kemampuan dalam menggunakan potensi minda untuk menangani cabaran baru kerana KBAT mencabar individu untuk mentafsir, menganalisis atau memanipulasi maklumat (Tajudin & Chinnappan, 2016). Oleh yang demikian, definisi KBAT dalam konteks kajian ini merujuk kepada

kemampuan murid tingkatan empat kelas perakaunan untuk menguasai kemahiran mengaplikasi, kemahiran menganalisis, kemahiran menilai dan kemahiran mencipta dalam MPEI PP meliputi topik pengenalan kepada perakaunan, klasifikasi akaun dan persamaan perakaunan, dan dokumen perakaunan sebagai sumber maklumat. Tahap KBAT diukur menggunakan Ujian KBAT MPEI PP yang diadaptasi daripada Tan (2017) berdasarkan tahap pemikiran Taksonomi Bloom Semakan Anderson (Anderson & Krathwohl, 2001).

1.9.2 Persekitaran Pembelajaran

Persekitaran pembelajaran secara teoritikal dirujuk sebagai kualiti pengajaran, keterlibatan dan pengalaman murid dalam konteks fizikal, sosial, psikologikal, dan pedagogi di tempat sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku (Richardson & Mishra, 2018; Chen, Fan, & Jury, 2017; Fraser, 1998). Manakala, persekitaran pembelajaran dalam konteks kajian ini ditakrifkan oleh penyelidik sebagai persekitaran psikososial di tempat berlakunya PdP yang memberi kesan kepada pencapaian dan penguasaan KBAT murid. Persepsi persekitaran pembelajaran psikososial yang dikaji merangkumi dimensi kemudahan pembelajaran, pengajaran berorientasikan konstruktivis, matlamat yang jelas dan kesesuaian kurikulum, autonomi murid, dan kerjasama antara murid. Persepsi persekitaran pembelajaran psikososial ini diukur menggunakan soal selidik persekitaran pembelajaran yang diadaptasi daripada alat kajian *Inventory of Students' Perceived Learning Environment (ISPLE)* yang dihasilkan oleh Chen *et al.*, 2017.

1.9.3 Strategi Pembelajaran

Secara teoritikal, strategi pembelajaran adalah suatu aktiviti mental yang dikawal oleh murid dalam mempelajari dan memahami sesuatu mata pelajaran di sekolah (Frey *et al.*, 2018; Ohst *et al.*, 2015). Proses pemikiran dan tingkah laku yang digunakan oleh murid ketika belajar dan mempunyai perkaitan dengan kejayaan murid di sekolah (Weinstein & Palmer, 1990) turut diklasifikasikan sebagai strategi pembelajaran. Bagi tujuan kajian ini, strategi pembelajaran yang dikaji merangkumi dimensi pengurusan masa, penumpuan, sikap, motivasi, dan kegelisahan. Strategi pembelajaran ini diukur menggunakan soal selidik yang diadaptasi daripada soal selidik Strategi Belajar dan Pembelajaran-Versi Sekolah Menengah (*LASSI-HS*) yang dihasilkan oleh Weinstein dan Palmer (1990).

1.9.4 Konsep Kendiri Akademik

Marsh (1990) menjelaskan konsep kendiri akademik secara teoritikal didefinisikan sebagai penerangan dan penilaian seseorang dalam bidang akademik. Penerangan dan penilaian seseorang dalam bidang akademik adalah meliputi persepsi seseorang tentang

kebolehan dalam akademik yang difokuskan seperti aspek tingkah laku pencapaian dan bukan perasaan seseorang terhadap pencapaian mereka. Bagi tujuan kajian ini, konsep sendiri akademik merujuk kepada persepsi murid tingkatan empat kelas perakaunan tentang kemampuan menguasai, minat dan keseronokan mereka dalam mempelajari MPEI PP. Persepsi ini diukur menggunakan Soal Selidik Konsep Kendiri Akademik yang diadaptasi daripada alat kajian *Academic Self-Descriptions Questionnaire (ASDQ)* yang dihasilkan oleh Marsh (1990).

1.10 Rumusan Bab

Secara khususnya, perbincangan berkaitan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, dan hipotesis kajian telah dihuraikan dalam penulisan bab ini. Seterusnya, pendetailan berkaitan kepentingan kajian, skop dan limitasi kajian di samping definisi istilah secara teoritikal dan secara operasi turut dibincangkan. Bab seterusnya memberi fokus perbincangan berkaitan kesusasteraan sedia ada kajian, penjelasan berkenaan teori-teori yang mendasari kajian di samping kerangka teoritikal dan kerangka konseptual kajian.

RUJUKAN

- Abdul Razak, R. J. (2015). *Persepsi Pelajar terhadap Kaedah Pengajaran Guru dan Persekitaran Pembelajaran Kemahiran Hidup serta Hubungannya dengan Kemahiran Amali Pelajar*. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Abdullah, A. H., Zainal Abidin, N. L., & Ali, M. (2015). Analysis of Students' Errors in Solving Higher Order Thinking Skills (HOTS) Problems for The Topic of Fraction. *Asian Social Science*, 11 (21), 133–142.
- Abdullah, A. T. (1998). *Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 Daerah Johor Bahru*. Tesis Sarjana Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abol, M. T. (2015). *Pengaruh Kepercayaan Efikasi Kendiri terhadap Pengalaman dan Pembelajaran Kanak-Kanak Kanser di Sekolah Dalam Hospital*. Tesis Ijazah Sarjana Sains, Universiti Malaysia Sarawak.
- Abosalem, Y. (2016). Assessment Techniques and Students' Higher-Order Thinking Skills. *International Journal of Secondary Education*, 4 (1), 1–11.
- Abu, N. E., & Eu L. K. (2014). Hubungan antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru dan Pengaruh Rakan Sebaya terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, Bil 2, Isu 1.
- Adnan, M. A. M., & Mohamad, S. (2014). *Hubungan di antara Strategi Pembelajaran dan Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab dengan Menggunakan Pendekatan Model Persamaan Berstruktur*. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014. ISBN 978-967-5478-78-9.
- Ahmad, A. R., Hussin, M., Azman, N., & Mohd Jelas, Z. (2000). *Strategi pembelajaran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar-Pelajar Melayu Luar Bandar: Pengaruh modul latihan Pendidikan*. Laporan Akhir Penyelidikan Jangka Pendek. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Ahmad, J., Ghazali, M., & Hassan, A. (2011). The Relationship between Self Concept and Response towards Student's Academic Achievement Among Students Leaders in University Putra Malaysia. *International Journal of Instruction*, Vol. 4, No.2.
- Ahuna, K.K., Tinnesz, C.G., & Kiener, M. (2014). A new era of critical thinking in professional programs. *Transformative Dialogues: Teaching & Learning Journal*, 7(3), 1-9.

- Akin, A., Demirci, I., & Yildiz, E. (2015). Personal Self-Concept as Mediator and Moderator of the Relationship between Insight and Psychological Vulnerability. *International Online Journal of Educational Sciences*, 2015, 7 (1), 79-86.
- Aladejana, F., & Aderibigbe, O. (2007). Science Laboratory Environment and Academic Performance. *Journal of Science Education and Technology*, 16 (6), 500–506.
- Albaili, M. A. (1997). Differences among Low, Average and High Achieving Collage on Learning and Study Strategies. *Educational Psychology*, 17 (1), 171-177.
- Alderman, M. L. (2004). *Motivation for Achievement: Possibilities for Teaching and Learning*. (2nd ed.). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Ali, K. (2008). *Korelasi antara Strategi Pembelajaran, Persekitaran Pembelajaran dan Kemahiran Berbahasa Inggeris dengan Pencapaian Kimia*, Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Allen, D. N., Goldstein, G., Heyman, R. A., & Rondinelli, T. (1998). Teaching memory strategies to persons with multiple sclerosis. *Journal of Rehabilitation Research and Development*, 35, 405-410.
- Anderson, O. W., & Krathwohl, D. R. (2001). *Taxonomy for Learning, Teaching, and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*. A Bridged Edition. New York: Addison Wesley Longman, Inc.
- Angela, S., & Paul A. H. (2016). Effective Learning: A Case Study of the Learning Strategies Used by a Gifted High Achiever in Learning Science. *Gifted Child Quarterly* 2016, Vol. 60 (1) 63–74.
- Arens, A. K., Yeung, A. S., Craven, R. G., & Hasselhorn, M. (2011). The Twofold Multidimensionality of Academic Self-Concept: Domain Specificity and Separation between Competence and Affect Components. *Journal of Educational Psychology*, 103 (4), 970–981. <http://dx.doi.org/10.1037/a0025047>.
- Ary, D., Jacobs, C. L., Sorensen, C., & Razavieh, A. (2010). *Introduction to Research in Education (8th Ed)*. USA: Wdsworth, Cengage Learning.
- Asika, N. (2000). *Reseach Methodoly in the Behavioural Sciences* (4th ed.). Lagos Nigeria: Longman Nigeria Plc.
- Atkinson, R. C., & Shiffrin, R. M. (1968). Human Memory: A Proposed System and Its Control Processes. In K.W. Spence & J.T. Spence (Eds), *The Psychology of learning and motivation: Advance in Research and Theory*, Vol. 2, 89-95. San Diego: Academic Press.

- Ayirir, I. O. (2011). Cognitive process and cognitive strategies in foreign language teaching. *Hacettepe Üniversitesi Journal of Education*, 40, 44-56.
- Ayob, A. M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi (Edisi Ke-3)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. ISBN 983-62-8031-6
- Azizah, T. (1999). *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kelemahan Pelajar Bumiputera Dalam Mata Pelajaran Sains*. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Unversiti Teknologi Malaysia.
- Bacon, L. D. (1997). *Using Amos for Structural Equation Modelling in Market Research*. Chicago, USA : SPSS Inc.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum (2016). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Mata Pelajaran Prinsip Perakauman*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bakker, A., & Smit, J. (2016). Theory Development in Design-Based Research: An Example about Scaffolding Mathematical Language. *Making Change Happen*, pp 111-128.
- Bakry & Bakar, M. N. (2015). The Process of Thinking among Junior High School Students in Solving HOTS Question. *International Journal of Evaluation and Research in Education (IJERE)*, 4 (3), 138–145.
- Ballantine, J. H. (1997). *The Sociology of Education; A Systemic Analysis*. Edisi ke-4. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Bandura, A. (1977). Self-Efficacy: Toward A Unifying Theory of Behavioral Change. *Psychological Review*, 84 (2), 191-215.
- Bandura, A. (1993). Perceived Self-Efficacy in Cognitive Development and Functioning. *Educational Psychologist*, 28 (2), 117-148.
- Bandura, A. (2001). Social Theory: Aagentic Perspective. *Annual Review of Psychology*, 52, 1–26.
- Barber, L. K., Munz, D. C., Bagsby, P. G., & Grawitch, M. J. (2009). When Does Time Perspective Matter? Self-Control as a Moderator between Time Perspective and Academic Achievement. *Personality and Individual Differences*, 46 (2009), pp. 250–253.

- Baroody, A. E., Merritt, E. E. G., & Rimm-Kaufman, S. E. (2014). *Examining Math and Science Self-efficacy and Anxiety in Fifth Grade English Learners*. Paper Presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association (AERA), Philadelphia, PA.
- Bartlett, J. E., Kotrlik, J. W., & Higgins, C. C. (2001). Organizational Research: Determining Appropriate Sample Size in Survey research. *Information Technology, Learning and Performance Journal*, 19 (1) : 43-50.
- Baskin, S., Iscan, A., Karagoz, B., & Birol, G. (2017). The Use of Vocabulary Learning Strategies in Teaching Turkish as a Second Language. *Journal of Education and Practice*, Volume 8, No. 9.
- Bathuma, S. & Kalaimakal, P., (2014). The Usage of Language Learning Strategies in Malaysian Private Secondary Schools. *Advances in Language and Literary Studies* Vol. 5, No.4.
- Baylor, A. L. (2000). Cognitive strategies for training with technology. *Tech Trends: ProQuest Education Journal*, 44(5), 13-27.
- Bean, J. C. (2001). *Engaging Ideas: The Professor's Guide to Integrating Writing, Critical Thinking and Active Learning in the Classroom*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Bebko, J. M., & Haggert, A. M. (1997). Deafness, language skills and memory: A model for the development of spontaneous rehearsal use. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education*, 2 (3), 31-139.
- Bell, S. (2010). Project-Based Learning for the 21st Century: Skills for the Future. *The Clearing House*. 83, 39-43.
- Bentler, P. M. (1990). Comparative Fit Indexes in Structural Models. *Psychological Bulletin*, 107 (2), 38-46.
- Bentler, P. M., & Bonett, D. G. (1980). Significance Tests and Godness of Fit in the Analysis of Covariance Structures. *Psychological Bulletin*, 88, 588-606.
- Berg, N. (2002). Non-responses Bias. Diambil daripada <http://www.utdallas.edu/~nberg/Berg.../BergNon-pdf>
- Bhattacharjee, A. (2012). *Social Science Research: Principles, Methods, and Practices*. 2nd edition. Zurich, Switzerland: Creative Commons Attribution.
- Bieg, M., Goetz, T., & Lipnevich, A. A. (2014). What Students Think They Feel Differs from What They Really Feel - Academic Self-Concept Moderates the Discrepancy Between Students' Trait and State Emotional Self-Reports. *PLoS ONE*. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0092563>

- Biggs, J. (1999) What the Student Does: Teaching for Enhanced Learning. *Higher Education Research & Development*, 18:1, 57-75.
- Bisira, H., Taylor, J., & Farinde, D. (2002). *Descriptive Statistics (Revised Edition)*.
- Bloom, B. S. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives, Handbook 1: Cognitive Domains*. New York: David McKay Co Inc.
- Bordens, K. S., & Abbott, B. B. (1988). *Research Design and Methods: A Process Approach*. Mountain View: CA.
- Bound, J., Jaeger, A., & Baker, R. (1995). Problems with Instrumental Variables Estimation when the Correlation between the Instruments and the Endogenous Explanatory Variable is Weak. *Journal of American Statistical Association*, 90 (430), 443-450.
- Bourke, B. (2019). Using Gamification to Engage Higher-Order Thinking Skills. In J. Keengwe, & R. Byamukama (Eds.), *Handbook of Research on Promoting Higher-Order Skills and Global Competencies in Life and Work* (pp. 1-21). Hershey, PA: IGI Global. doi:10.4018/978-1-5225-6331-0.ch001
- Bowen, M. M., & Johnson, K. R. (2019). Entrepreneurial Skills for the 21st Century Workplace: The SME Sector. In J. Keengwe, & R. Byamukama (Eds.), *Handbook of Research on Promoting Higher-Order Skills and Global Competencies in Life and Work* (pp. 56-69). Hershey, PA: IGI Global. doi:10.4018/978-1-5225-6331-0.ch004
- Bransford, J. D., Brown, A. L., & Cocking, R. R. (2000). *How People Learn: Brain, Mind, Experience and School*. Washington, D.C.: National Research Council, National Academy Press.
- Britner, S. L. (2008). Motivation in High School Science Students: A Comparison of Gender Differences in Life, Physical, and Earth Science Classes. *Journal of Research in Science Teaching*, 45, 955–970. doi:10.1002/tea.20249.
- Brown, A. L., & Palincsar A. S. (1982). *Inducing Strategic Learning From Texts by Means of Informed, Self-Control Training*; University of Illinois at Urbana-Champaign.
- Brown, M. W., & Cudeck, R. (1993). Alternative Ways of Assessing Model Fit. Dalam Bollen, K. A. & Long, J. S. (Editor). *Testing Structural Equation Models* (hlm. 136-162). Newbury Parl, CA:Sage.
- Bruner, J. S. (1966). *Toward a Theory of Instruction*. Cambridge: Harvard University Press.

- Byrne, B. M. (2010). *Multivariate applications series. Structural equation modeling with AMOS: Basic concepts, applications, and programming (2nd ed.)*. New York, NY, US: Routledge/Taylor & Francis Group.
- Carey, L. M. 1994. *Measuring and evaluating school learning*. Ed. ke-2. Boston: Allyn & Bacon.
- Cavana, R. Y., Delahaye, B. L., & Sekaran, U. (2001). *Applied Business Research: Qualitative and Quantitative Methods*. Brisbane: John Wiley & Sons Australia Ltd.
- Cha, E. S., Kim, K. H., & Erlen, J. A. (2007). Translation of Scales in Cross-Cultural Research: Issues and Techniques. *Journal of Advanced Nursing*, 58 (4) ; 386 – 395.
- Chamot, A. U., Kepper, L., & Imprik, H. M. V. (1988a). *A study of Learning Strategies in Foreign Language Instruction: Finding of the Longitudinal Study*. McLeanVa: Interstate Research Associates.
- Chamot, A. U., Kepper, L., & Imprik, H. M. V. (1988b). *A Study of Learning Strategies in Foreign Language Instruction: The Third and Final Report*. McLeanVa: Interstate research Associates.
- Chaves, J. F., & Brown, J. M. (1987). Spontaneous cognitive strategies for the control of clinical pain and stress. *Journal of Behavioural Medicine*, 10(3), 263-274.
- Che Ahmad, C. N., Osman, K., & Halim, L. (2013). *Persekitaran Pembelajaran Aspek Fizikal dan Psikososial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Che Lah, N., Mohd Saat, R., & Hassan, R. (2013). Strategi Kognitif Abstrak dalam Pembelajaran Kimia. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil. 1, Isu 4.
- Chen, C., Fan, J., & Jury, M. (2017). Are Perceived Learning Environments Related to Subjective Well-Being? A Visit to University Students. *Learning and Individual Differences*, 54, 226–233. <https://doi.org/10.1016/j.lindif.2017.01.001>
- Chen, F., Sousa, K., & West, S. (2005). Structural Equation Modeling: A Teacher's Corner: Testing Measurement Invariance of Second-Order Factor Models. *Structural Equation Modeling*, 12 (3), 471-492.
- Chickering, D., & Ehrman, S. C. (1996). *Implementing the 7 Principles: Technology as Lever*. AAHE Bulletin. Oct. 3-6.

- Chowdry, Haroon, Claire, C. & Alissa, G. (2011). The Role of Attitudes and Behaviors in Explaining Socioeconomic Differences in Attainment at Age 16. *Longitudinal and Life Course Studies*, 2:59–76.
- Clerkin, A. & Gilligan, K. (2018). Pre-School Numeracy Play as a Predictor of Children's Attitudes towards Mathematics at Age 10. *Journal of Early Childhood Research*, 1–16. DOI: 10.1177/1476718X18762238.
- Cochran, W. G. (1977). *Sampling Techniques* (3rd Edition). New York: John Wiley & Sons.
- Cohen, L., & Manion, L. (1994). *Research Methods in Education*. Edisi ke-4. London: Routledge.
- Colvin, C., & Schlosker, L. K. (1998). Developing Academic Confidence to Build Literacy: What Teachers Can do. *Journal of Adolescent and Adult Literacy* 41 (4): 272-281.
- Cone, C., Godwin, D., Salazar, K., Bond, R., Thompson, M., & Myers, O. (2016). Incorporation of an Explicit Critical-Thinking Curriculum to Improve Pharmacy Students' Critical-Thinking Skills. *American Journal of Pharmaceutical Education* April, 2016, 80 (3) 41; DOI: <https://doi.org/10.5688/ajpe80341>
- Cooper, K. M., Krieg, A., & Brownell, S. E. (2018). Who Perceives They Are Smarter? Exploring the Influence of Student Characteristics on Student Academic Self-Concept in Physiology. *Advance Physiology Education*, 42: 200–208.
- Crowl, T. K., Kaminsky, S., & Podell, D. M. (1997). *Educational psychology: Windows on teaching*. Madison, WI: Brown and Benchmark.
- Cubberley, Weinstein, & Curbberly (1986). The Interactive effects of Cognitive Learning Strategy Training and Test Anxiety on Paired-Associate Learning. *Journal of Educational Research*, 79.
- Dan, Y. (2014). Examining the Mediating Effect of Learning Strategies on the Relationship Between Students' History Interests and Learning Outcomes. *Educational Psychology*, 34 (7), 799-817.
- Dansereau, D. F., Collins, K. W., McDonald, B. A., Holly, C. D., Garland, J., Diekhoff, G., & Evans, S. H. (1979). Development and Evaluation of a Learning Strategy Training Program. *Journal of Educational Psychology*, 71 (1), 64-73.
- Dockx, J., Fraine, B. D., & Vandecandelaere, M. (2019). Tracks as Frames of Reference for Academic Self-Concept. *Journal of School Psychology*, 72, 67-90.

- Dorit, M., & Barry J. F. (2005). An Online Questionnaire for Evaluating Students' and Teachers' Perceptions of Constructivist Multimedia Learning Environments. *Research in Science Education*, 35: 221–244. DOI: <http://10.1007/s11165-005-2148-3>.
- Downing, K., Kwong, T., Chan, S., Lam, T., & Downing, W. (2009). Problem-Based Learning and the Development of Metacognition. *Higher Education*, 57, 609–621.
- Driscoll, M. P. (1994). *Psychology of Learning for Instruction*. Edisi Pertama, 3-7. Boston: Pearson Education Inc.
- Drucker, P. F. (1966). *The Effective Executive*. New York: Harper & Row.
- Dubas, J. M., & Toledo, S. A. (2016a). Taking Higher Order Thinking Seriously: Using Marzano's Taxonomy In The Economics Classroom. *International Review of Economics Education*, 21, 12–20. <https://doi.org/10.1016/j.iree.2015.10.005>.
- Dumford, A. D., Cogswell, C. A., & Miller, A. L. (2016a). The Who , What , and Where of Learning Strategies. *The Journal of Effective Teaching*, 16 (1), 72–88.
- Dumford, A. D., Cogswell, C. A., & Miller, A. L. (2016b). The Who, What, and Where of Learning Strategies. *The Journal of Effective Teaching*, 16 (1), 72–88.
- Eagly, A. H., & Chaiken, S. (2007). The Advantages of an Inclusive Definition of Attitude. *Social Cognition*, 25, 582-602.
- Elengoven, V., & Nagendralingan, R. (2014). Enhancing Higher Order Thinking Skills Through Clinical Simulation. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 11, 75-100.
- El-Hindi, A. E., & Childers, K. D. (1996). *Exploring Metacognitive Awareness and Perceived Attributions for Academic Success and Failure: A Study of at-Risk College Students*. Paper presented at the Annual Meeting of the Southwest Educational Research Association, New Orleans, LA.
- Elizabeth, A. G., Park, D., Maloney, E. A., Beilock, S. L., & Levine, S. C. (2017): Reciprocal Relations among Motivational Frameworks, Math Anxiety, and Math Achievement In Early Elementary School. *Journal of Cognition and Development*. DOI: 10.1080/15248372.2017.1421538.
- Embi, M. A. (2000). *Language Learning Strategies: A Malaysian Context*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Enggen, P., & Kauchak, D. (2004). *Education Psychology: Windows on Classroom*. Edisi ke-6. New Jersey: Pearson Education Inc.

- Everson, H. T., Tobias, S., & Laitusis, V. (1997). *Do Metacognitive Skills and Learning Strategies Transfer Across Domains?* Paper presented at the Annual Convention of the American Educational Research Association. Chicago, IL.
- Fan, T. S., Yussof, I., & Ismail, R. (2013). Pulangan Pendidikan antara Generasi di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 47 (1), 41-52.
- Fornell, C., & Larcker, D. F. (1981). Evaluating Structural Equation Models with Unobservable Variables and Measurement Error. *Journal of Marketing Research*, 18 (1), 39 – 50.
- Fraser, B. J. (1994). Classroom and School Climate. In. Gabel, D. (Ed.). *Handbook of Research on Science Teaching and Learning*, 493-541. New York: Mac-Millan.
- Fraser, B. J. (1998). Classroom Environment Instruments: Development, Validity and Applications. *Learning Environments Research*, 1, 7–33.
- Frey, I. G., Deutscher, M., & Renkl, A. (2018). Student Teachers' Prior Knowledge as Prerequisite to Learn How to Assess Pupils' Learning Strategies. *Teaching and Teacher Education*, 76, 227 -241.
- Friedman, H. H., & Amoo, T. (1999). Rating the Rating Scales. *Journal of Marketing Management*, 9 (3): 114-123.
- Gabriel, K. F. (2008). *Teaching Unprepared Students: Strategies for Promoting Success and Retention in Higher Education*. Sterling, VA: Stylus.
- Garcia, R., Perez, F., & Hinojosa, E. (2004). Assessing Time Fraser, B. J. (1998). Classroom Environment Instruments: Development, Validity and Applications. *Learning Environments Research*, 1, 7–33.
- Garland, R. (1991). The Mid-Point on a Rating Scale: Is it Desirable? *Marketing Bulletin*, 2(3): 66-70. <http://marketing-bulletin.massey.ac.nz> [22 February 2019].
- Garson, G. D. (2013). *Validity and Reliability*. Asheboro, NC USA: Statistical Associates Publishing.
- Gasser, L., Grutter, J., Buholzer, A., & Wettstein, A., (2018). Emotionally Supportive Classroom Interactions and Students' Perceptions of their Teachers as Caring. *Learning and Instruction*, 54 (2018), 82-92.
- Gay, L. R., Mills, G. E. & Airasian, P. W. (2012). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Ghazvini, S. D. (2011). Relationships between Academic Self-Concept and Academic

Performance in High School Students. In *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2011.03.235>

- GINOTT, H. (1972). *Teacher and child*. New York: Avon Books.
- GORHAM, J., & CHRISTOPHEL, D. M. (1990). The Relationship of Teacher's Use of Humour in The Classroom to Immediacy and Student Learning. *Communication Education*, 39: 46-61.
- GUAY, F., MARSH, H. W., & BOIVIN, M. (2003). Academic Self-Concept and Academic Achievement: Developmental Perspective on their Causal Ordering. *Journal of Educational Psychology*, 95, 124-136.
- GUO, J., MARSH, H. W., PARKER, P. D., MORIN, A. J. S., & YEUNG, A. S. (2015). *Expectancy Value in Mathematics, Gender and Socioeconomic Background As Predictors of Achievement and Aspirations: A Multi-Cohort Study*. *Learning and Individual Differences*, 37, 161-168. <http://dx.doi.org/10.1016/j.lindif.2015.01.008>.
- HAIR, J. F., BLACK, W. C., BABIN, B. J., & ANDERSON, R. E. (2010). *Multivariate Data Analysis: A Global Perspective*. 7th edition. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education Inc.
- HAMED, S., BAHARI, P., & ABDULLAH, A. G. K. (2008). Korelasi antara Persekitaran Pembelajaran Matematik, Sikap Pelajar Terhadap Matematik dan Pencapaian Pelajar Dalam Matematik: Satu Kajian Kes. *ESTEEM Academic Journal UiTM Pulau Pinang*. Volume 4, No. 2.
- HAMMANN, L. (2005). Self-Regulation in Academic Writing Tasks. *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 17 (1), 15-26.
- HAMMANN, L. A., & STEVENS, R. J. (1998). Metacognitive Awareness Assessment in Self-Regulated Learning and Performance Measures. *Introductory Educational Psychology Course*. ERIC, No. ED 424249.
- HARTLEY, J. (1998). *Learning and Studying: A Research Perspective*. London: Routledge.
- HASHIM, N., KEE, C. P., & ABDUL RAHMAN, M. F. (2016). STOPS: Mengungkai isu Kebolehpasaran Graduan di Malaysia. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 32 (2), 139-164.
- HASSAN, A., & MOHD, A. (1999). *Komunikasi untuk Guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- HASSAN, R. (2017). Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Perancis. *Journal of Language Studies*, 17 (1), 125-146.

- Hatcher, L. (1994). *A Step by Step Approach to using the SAS System for Factor Analysis and Structural Equation Modeling*. Cary, NC: SAS institute Inc.
- Hayes, A. (2013). *Introduction to Mediation, Moderation, and Conditional Process Analysis: A Regression-Based Approach*. A Division of Guilford Publications. Inc.
- Haynes, B. (2020). Can creativity be taught? *Journal of Educational Philosophy and Theory*, Volume 52, Issue 1, Pages 34-44. <https://doi.org/10.1080/00131857.2019.1594194>.
- Hebb, D. O. (1949). *The Organization of Behavior: A Neuropsychological Theory*. New York: McGill University.
- Hensley, L. C., Wolters, C. A., Won, S., & Brady, A. C. (2018). Academic Probation, Time Management, and Time Use in a College Success Course. *Journal of College Reading and Learning*, 48: 105–123. DOI: <https://doi.org/10.1080/10790195.2017.1411214>.
- Hofer, B. K. (2004). Epistemological Understanding as a Metacognitive Process: Thinking Aloud during Online Searching. *Educational Psychologist*, 39 (1), 43-55.
- Holden, R., Jameson, S., & Parsons, D. J. (2002). *Making A Difference - The Contribution of Graduates to Small Business Success'*. Leeds: Leeds Metropolitan University.
- Hopson, M. H., Simms, R. L., & Knezek, G. A. (2001). Using a Technology-Enriched Environment to Improve Higher-Order Thinking Skills. *Journal of Research on Technology in Education*, 34:2, 109-119, DOI: 10.1080/15391523.2001.10782338.
- Hu, L., & Bentler, P. M. (1999). Cut off Criteria for Fir Indexes in Covariance Structure Analysis: Conventional Criteria Versus New Alternatives. *Structural Equation Modeling*, 6, 1-55.
- Hugerat, M. (2015). How teaching science using project-based learning strategies affects the classroom learning environment. *Learning Environment Research*. <http://doi.org/10.1007/s10984-016-9212-y>.
- Ibabe, I., & Jauregizar, J. (2010). Online Self-Assessment with Feedback and Metacognitive Knowledge. *Higher Education*, 59, 243-258.
- Ibrahim, N. (2010). Strategi Pembelajaran dan Sikap Terhadap Komputer bagi Mata Pelajaran *Information and Communication Technology* Pelajar Tingkatan Empat. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Putra Malaysia.

- Ichsan, I. Z., Sigit, D. V., & Miarsyah, M. (2019). Environmental Learning Based on Higher Order Thinking Skills: A Needs Assessment. *International Journal for Educational and Vocational Studies*, 1 (1), 21-24. <https://doi.org/10.29103/ijevs.v1i1.1389>.
- Infosurv (2006). 5-Point vs. 6-Point Likert Scale. Infosurv White. http://www.infosurv.com/wp-content/uploads/2011/01/Likert_Scale_Debate.pdf [22 February 2019].
- Isaacson, R. M., & Fujita, F. (2006). Metacognitive Knowledge Monitoring and Self-Regulated Learning: Academic Success and Reflections on Learning. *Journal of the Scholarship of Teaching and Learning*, 6, 39-55.
- Ismail, H. N. (2016). *Guru Berkualiti Pencetus Pendidikan Bermutu*. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam, 2016. Universiti Sains Malaysia.
- Ismail, Z. (2003). *Perbezaan Jangkaan Efikasi Kendiri dalam Pemilihan Kerjaya di Kalangan Pelajar-Pelajar Melayu Mengikut Jantina di IPT*. Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jeffrey, W. M. (2014). Higher Order Thinking and Metacognition in the First- year Core-education Classroom: A Case Study in the Use of Color-Coded Drafts. *Open Review of Educational Research*, 1:1, 56-69.
- Joe, T. Y. L., Irene, N. Y. C., & Emmy, M. Y. W. (2017). Hong Kong's Curriculum Reform: Intentions, Perceptions and Practices. *Asian Education and Development Studies*, Vol. 6, Issue: 1, pp.95-106. <https://doi.org/10.1108/AEDS-03-2016-0023>.
- Joyce, B., & Weil, M. (1996). *Models of Teaching (Fifth Edition)*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Kadir, M. S., & Yeung, A. S. (2016). *Academic Self-Concept*. In V. Zeigler-Hill, & T. K. Shackelford (Eds.). *Encyclopedia of personality and individual differences* (pp. 1-8). New York, NY: Springer. Published online on 29 November 2016. Retrieved from http://link.springer.com/referenceworkentry/10.1007/978-3-319-28099-8_1118-1.
